



**Sambutan Jubli Emas UPM papar keunggulan, kecemerlangan universiti**

Berita Utama - 5



**Galakkan masyarakat ambil vaksin COVID-19**

Wawancara - 3

**Humanity in the Humanities: In Search of Wisdom**

Expert's Point of View - 4



## Vice Chancellor urged to strengthen cooperation, continue excellence

By : Noor Eszereen Juferi

**SERDANG, June 22** – Universiti Putra Malaysia (UPM) staff and students have been urged to continue strengthening cooperation and professionalism amongst themselves in driving the university's key strategies towards institutional and national excellence.

UPM Vice-Chancellor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, said he was confident that UPM staff and its leadership would succeed in executing the main strategies pledged in the Vice Chancellor's Narrative 2021, which are "Driving High-Tech Agriculture, Building the Character of UPM Graduates, Pioneering Smart Campus and Digitisation, Supporting the Continuity of Sustainable Institution and Strengthening the Incubation of New Norms".

"UPM is like a big ship in a vast ocean that requires strong support from its staff and undergraduates who are important assets with potential in achieving the set vision and mission," he said.

He added that he appreciated the professionalism shown by academic staff, administrative staff, support

staff, and students who continue to support UPM's aspiration to become an outstanding university at both the national and international levels.

"This is in line with the university's motto, 'With Knowledge We Serve' and the value of 'ihsan' that we inherited from former Vice-Chancellors, and as the current Vice-Chancellor, I strive to continue to chart out plans and strategies for UPM to become a premier educational institution," he said.


Prof. Dr. Mohd Roslan also expressed hoped that UPM staff and students would continue to close ranks and enhance cooperation among themselves in pursuit of continued excellence.

"I believe that UPM staff and students will continue to prioritise the efforts towards enhancement of integrity and good governance for UPM to remain strong, holistically," he said.

Meanwhile, UPM in its response to the Ministry of Higher Education's aspiration to support the digitisation agenda through several initiatives and smart campus implementation

strategies for 2021-2025, said it remained to focus on the transformation of good agricultural practices involving the use of the latest technology in line with technological developments. – UPM

**"I believe that UPM staff and students will continue to prioritise the efforts towards enhancement of integrity and good governance for UPM to remain strong, holistically."**



Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman

## UPM to host international workshop on UI-GreenMetric World University Rankings

By : Zainul Luqman Zainul Ikhwan

**SERDANG, July 6** – Universiti Putra Malaysia has been appointed as the host of The 7th International Workshop on UI-GreenMetric World University Rankings (IWGM 2021).

This online programme was initially scheduled to be held from July 13 until 15. However, it was postponed to August 24 until 26, 2021.

Director of the Centre for Corporate Strategy and Relations, UPM, Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman, said she hoped that this time around, the IWGM would attract the participation from both local and international universities to discuss the role of universities in jointly achieving the Sustainable Development Goals (SDGs) established by the United Nations (UN).

"This IWGM is not only focusing on the main topic, but it would serve as a bridge to connect UPM with those international universities where collaborations can be carried out subsequently to accomplish a better future for everyone," she said.

The collaboration from both universities, UPM and Universitas Indonesia, as co-organisers is a reflection of an effort to ensure the 17th goal in the SDGs, Partnership for the Goals, can be achieved

together. Meanwhile, Malaysia Sustainable University Campus Network (MYSUN) in collaboration with the Centre for Corporate Strategy and Relations UPM, recently organised a seminar entitled 'Campus Sustainability Online Seminar 1.'

The online seminar themed 'Sustainable Campus: Green and Beyond' was held to enhance knowledge and awareness among campus staff and students on sustainable development and actions that could contribute towards sustainability.

The seminar which was attended by 140 participants, started off with a welcoming speech by the Dean of the Faculty of Engineering, UPM, Prof. Ir. Ts. Dr. Nor Kamariah Noordin, who is also MYSUN Project Coordinator.

The first slot saw the emphasis on the topic 'University as Living Labs for Sustainable Development', presented by the Director of the International Institute of Aquaculture and Aquatic Sciences, UPM, Prof. Dr. Ahmad Zaharin Aris, who is also an expert in UPM Special Committee on SDGs & Green Campus.

The second slot was handled by Prof. Dr.

Azmawani, who highlighted the topic 'The Impact Rankings & UI-GreenMetric as Indicator towards Sustainable Campus'. – UPM

**UI GreenMetric World University Rankings**

The 7th International Workshop on UI GreenMetric World University Rankings

**IWGM 2021**

THEME: UNIVERSITIES, UI GREENMETRIC, AND SDGs IN THE TIME OF PANDEMIC

24-26 AUGUST 2021 | UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA, MALAYSIA

**CALL FOR PAPERS**  
Presented in a poster session

**Sub-Themes:**

1. Issues and Innovation in Managing Setting and Infrastructure
2. Issues and Innovation in Managing Energy
3. Issues and Innovation in Managing Waste
4. Issues and Innovation in Managing Water
5. Issues and Innovation in Managing Transportation
6. Issues and Innovation in Managing Education

**Important Dates:**

Submission of Poster Abstract:  
Deadline: 5 July 2021


Submission of Full Paper:  
Deadline: 31 July 2021

**iwgm.ui.ac.id**  
**greenmetric.ui.ac.id**

Facebook.com/UPMputraMalaysia | @upmputra | Instagram.com/upmputra | Youtube.com/upmputra

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

www.upm.edu.my







## NOTA KETUA EDITOR

UPM terus menggalas amanah sebagai sebuah Menara Ilmu meskipun berhadapan dengan situasi sukar penularan pandemik COVID-19 yang masih berlaku. Tahap kesihatan warga dan pelajar UPM termasuk kesihatan mental sangat kritikal ketika ini. Pada masa ini, pengambilan vaksin amat kritikal sebagai salah satu iktikar kita.

Visibiliti UPM banyak dibantu oleh sokongan media selama ini. Paparan media termasuk berita, artikel, maklum balas dan temubual kepakaran melonjakkan peranan UPM memberi pencerahan untuk kepentingan negara dan kesejahteraan masyarakat. Dalam

bulan Ramadan yang lalu, UPM melalui Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) telah mengadakan ziarah dengan pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP) ke beberapa media utama perdana bagi memperkukuhkan lagi hubungan silaturrahim.

2021 adalah tahun sambutan 50 tahun penubuhan UPM sebagai sebuah universiti. Meskipun beberapa acara yang telah disusun terpaksa ditangguhkan kerana penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semangat menyambut perayaan Jubli Emas ini perlu diteruskan

terutama melalui perkongsian media sosial. Insya Allah, selepas keadaan semakin pulih, acara sambutan ini akan diteruskan dengan penuh semangat kekitaan.

Pada kesempatan in, Sidang Redaksi Tribun Putra mengucapkan Selamat Kembali Bertugas kepada Yang Berbahagia Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman mulai 22 Jun yang lalu. Semoga UPM terus cemerlang di bawah kepimpinan beliau. Tahniah juga diucapkan kepada Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman yang dilantik semula ke jawatan Pengarah PSPK mulai 1 Jun. Selamat membaca.

Lindung diri, lindung semua.

# UPM hargai peranan media, sentiasa kukuh hubungan

Oleh : Noor Eszereen Juferi

**SERDANG, 27 April** – Universiti Putra Malaysia (UPM) menghargai peranan media dan sentiasa berusaha mempererat lagi hubungan strategik yang sedia terjalin antara universiti dengan media.

Timbalan Pengarah, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM, Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain berkata media telah banyak membantu dalam memaparkan aktiviti, pencapaian dan mempromosikan kepakaran

serta inovasi UPM.

Sehubungan itu bagi terus memperkukuhkan lagi hubungan, PSPK, UPM telah mengadakan Program Kunjungan Ramadan UPM Prihatin ke Rakan Media 2021 di agensi media sekitar Lembah Klang.

Pada program itu, pertemuan dan perbincangan tidak formal diadakan antara PSPK dengan editor serta wartawan, dan pada masa yang sama anggota rombongan PSPK dapat melihat situasi kerja di

bilik-bilik berita.

"Peranan yang dimainkan oleh media memberi impak positif kepada UPM terutamanya aspek visibiliti universiti dan pemeraksanaan imej, penjenamaan, mempromosikan kepakaran, menonjolkan bakat pelajar serta membentuk persepektif positif masyarakat kepada universiti.

"Terima kasih kepada media kerana paparan pencapaian, kepakaran dan aktiviti UPM oleh media telah membantu melonjakkan

visibiliti UPM," katanya.

Antara agensi media yang dikunjungi ialah Sinar Harian, New Straits Times, Berita Harian, Harian Metro, Radio Televisyen Malaysia (RTM), The Star, mStar, TV3, Didik TV dan Malaysia Gazette.

Perancangan PSPK, UPM untuk ke Astro Awani dan BERNAMA pada 6 Mei lalu tertunda kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dilaksanakan di enam daerah di Selangor pada tarikh berkenaan. – UPM



# Menteri Kesihatan lancar tiga buku mengenai COVID-19 terbitan UPM



Oleh : Nor Adilla Alfaridz

**SERDANG, 2 April** – Menteri Kesihatan, Dato' Sri Dr. Adham Baba melancarkan tiga buku mengenai COVID-19 terbitan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tiga buah buku itu ialah "Kepelbagaian Isu Pandemik COVID-19 dari Perspektif Kesihatan", "Kepelbagaian Isu Pandemik COVID-19 dari Perspektif Sains Sosial" dan "Pandemik COVID-19 Pengalaman Malaysia & Indonesia."

Beliau berkata pandemik COVID-19 memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan seharian masyarakat dunia termasuk Malaysia.

Justeru, katanya, masyarakat tidak boleh berdiam diri dan perlu mencari langkah untuk bangkit semula bagi mendepani kesan pandemik ini secara terarah agar kekal sejahtera.

"Buku-buku tersebut mengetengahkan isu pandemik dengan menghimpunkan artikel yang menyentuh pelbagai aspek kesihatan, mempersoalkan konteks sosial dalam membendung penularan COVID-19 serta membincangkan impak pandemik

khususnya kepada masyarakat Malaysia dan Indonesia," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus pula berkata UPM dan rakan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang lain akan terus berusaha menjalankan kajian dan menghasilkan penerbitan bagi menyampaikan maklumat kepada masyarakat demi pembangunan negara.

"Penerbitan buku ini adalah bukti sumbangan penyelidik dalam menyediakan maklumat serta cadangan kepada langkah pencegahan dan pengurusan kesihatan diri masyarakat berdasarkan kajian empirikal yang dijalankan dalam bahasa yang mudah difahami dan diaplikasikan," katanya.

Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Belia, IPSAS, UPM, Prof. Madya Dr. Haliza Abdul Rahman berkata beliau terpenggal untuk menghasilkan buku bertemakan COVID-19 kerana menjadi tanggungjawab sebagai akademik untuk menyelami permasalahan serta isu berkaitan masyarakat dan negara.

"Saya menghasilkan tiga buah buku sekaligus dengan tajuk berbeza kerana apabila kita mendalami isu berkaitan COVID-19 ia bukan hanya berfokus kepada isu kesihatan tetapi juga isu sosial. Adalah penting untuk melibatkan rakan ASEAN dan juga jiran rapat kita iaitu Indonesia yang turut ditempiasi isu yang sama," katanya.

Buku "Kepelbagaian Isu

Pandemik COVID-19 Dari Perspektif Sains Sosial" berkisar kepada kepelbagaian isu COVID-19 daripada aspek sains sosial dalam mendepani pandemik itu di Malaysia melibatkan pelbagai disiplin seperti psikologi, komunikasi, pengurusan, ekonomi, agama dan alam sekitar.

Buku "Pandemik COVID-19: Pengalaman Malaysia dan Indonesia" menyajikan pelbagai isu berkaitan pandemik COVID-19 oleh kumpulan penyelidik sosial daripada Malaysia dan Indonesia yang menghuraikan perspektif pandemik itu, serta impaknya kepada belia, komuniti, perusahaan industri kecil dan sederhana, pematuan operasi standard, perubahan nilai norma, perubahan dalam sistem pendidikan dan golongan petani.

Buku "Kepelbagaian Isu Pandemik COVID-19 Dari Perspektif Kesihatan" terhasil apabila menyedari wujud pelbagai isu kesihatan di Malaysia akibat pandemik itu, yang menghimpunkan sejumlah 18 artikel menyentuh pelbagai aspek kesihatan daripada penulis pelbagai latar bidang.

Penerbitan buku ini diharap dapat memperkaya ilmu dan pengetahuan termasuk kaedah pencegahan dan pengurusan berkaitan pandemik COVID-19 di kalangan pihak berkepentingan khususnya agensi berkaitan, petugas kesihatan, pelajar perubatan dan sains kesihatan serta masyarakat keseluruhannya. – UPM

# Senator Datuk Ras Adiba tinjau fasiliti OKU di UPM

Oleh : Noor Eszereen Juferi  
Foto oleh: Noor Azreen Awang

**SERDANG, 8 April** – Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima kunjungan Ahli Dewan Negara mewakili golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi dalam siri jelajah pertama beliau di sini.

Beliau meninjau fasiliti dan kemudahan yang disediakan oleh UPM kepada pelajar OKU.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM yang menjalankan fungsi Naib Canselor UPM, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus berharap dengan adanya program jelajah universiti seperti itu akan dapat membantu universiti memantapkan keperluan dan pembangunan fasiliti kepada pelajar OKU. "UPM sentiasa terbuka dan menerima warga OKU sejak sekian lama dengan memberi peluang melanjutkan pengajian dan pekerjaan kepada OKU. Perkhidmatan tersebut sentiasa diperhalusi dari semasa ke semasa, dan

terkini UPM mewujudkan Kampus Inklusif OKU," katanya.

Lawatan dan tinjauan fasiliti serta kemudahan OKU dijalankan di Kolej Kesepuluh, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, dan tinjauan kemudahan pengajaran TVET kepada pelajar OKU di Fakulti Pengajian Pendidikan, serta Sesi Ramah Mesra bersama Pengurusan UPM di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS).

Sebelum itu, Senator Ras Adiba telah mengadakan pertemuan secara dalam talian bersama pelajar-pelajar OKU UPM dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu, selama kira-kira sejam pada 7 April lalu.

Sementara itu, Dasar Inklusif OKU UPM yang ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UPM, Datuk Seri DiRaja Syed Razlan Syed Putra Jamalullai diwujudkan pada 8 Disember 2020 telah merangsang tindakan UPM dalam menyantuni keperluan mahasiswa OKU di universiti. – UPM





# Galakkan masyarakat ambil vaksin COVID-19

Pengambilan vaksin menjadi kempen utama buat rakyat Malaysia bagi menangani penularan pandemik COVID-19. Warga UPM tidak terkecuali digesa mendaftar dan mengambil vaksin. Bagi membincangkan isu ini, wartawan Tribun Putra, Azman Zakaria berpeluang bertemu ramah Dekan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM, Prof. Dr. Zamberi Sekawi mengenai perkara tersebut.



**Prof. Dr. Zamberi Sekawi**  
Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM

**Kita lihat kes COVID-19 di Malaysia adalah pada tahap membimbangkan. Apa komen Prof berkenaan hal ini?**

Kita sekarang menghadapi gelombang ketiga dan kali ini, ia berada pada tahap membimbangkan. Keupayaan mengendalikan kes di ICU adalah maksimum dan kadar kematian pun mencecah sekitar 70 - 90 kematian sehari. Yang membimbangkan adalah perkara ini akan memberi impak yang teruk pada keupayaan sistem kesihatan kita untuk menangani penyakit yang lain.

**Kita telah mengalami pandemik ini lebih daripada setahun dan telah mengamalkan SOP yang disarankan sekian lama. Apakah jalan keluar dari pandemik ini?**

Memang perlu mengamalkan SOP, tetapi kita berhadapan dengan kelakuan manusia yang tidak berapa disiplin dan lalai, sehingga

menyebabkan timbulnya kluster di kawasan tertentu. Dengan munculnya vaksin pada hujung tahun lepas, saya melihat ia sebagai satu kaedah terbaik untuk membawa Malaysia keluar dari pandemik ini. Teknologi vaksin bukanlah perkara baharu tetapi kaedah ini telah terbukti berkesan untuk menangani penyakit berjangkit yang berbahaya menjangkau lebih daripada 100 tahun.

**Adakah vaksin COVID-19 selamat dan berkesan?**

Sebelum apa-apa vaksin atau ubat-ubatan dibawa masuk ke Malaysia dan digunakan untuk rawatan dan pencegahan, ia perlu menjalani proses kelulusan yang ketat oleh Bahagian Regulatori Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA). Apabila ianya terbukti selamat dan berkesan, barulah kelulusan akan diberi.

Vaksin ini sangat berkesan untuk mencegah penyakit COVID-19 yang teruk dan kematian. Ini yang sangat penting. Perlu diketahui bahawa vaksin ini tidak mencegah seseorang daripada dijangkiti tetapi kalau dijangkiti pun, pesakit kebiasaannya tiada gejala atau mendapat gejala yang ringan sahaja. Kajian juga mendapati orang yang telah mendapat vaksin mempunyai kandungan virus yang sangat rendah jika dijangkiti berbanding dengan orang yang tidak mendapat vaksin. Ini bermaksud kebolehan jangkitan virus tersebut menjadi semakin sukar.

Sebanyak 2.7 billion dos vaksin COVID-19 telah diberi di seluruh dunia dan kita dapati bahawa kesan sampingannya adalah ringan dan biasa ditemui pada vaksin yang lain. Perlu diingat bahawa kesan sampingan ini adalah sangat ringan berbanding dengan mendapat penyakit COVID-19.

Terdapat laporan kesan sampingan yang serius tetapi sangat jarang berlaku seperti alahan anafilaksis dan sindrom darah beku, tetapi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil langkah berjaga-jaga untuk memberi rawatan awal.

**Telah banyak kali kerajaan menyebut istilah 'imuniti Kelompok.' Boleh terangkan apa 'imuniti kelompok' dan mengapa ia penting?**

Imuniti kelompok adalah satu konsep pencegahan penyakit berjangkit di mana semakin ramai ahli dalam masyarakat mendapat imuniti daripada

sesuatu penyakit berjangkit, sama ada melalui vaksinasi atau dijangkiti; semakin sukar penularan penyakit tersebut di dalam komuniti. Ini terbukti dengan penyakit berbahaya seperti campak, batuk kokol, dan sebagainya. Untuk penyakit COVID-19, kita memerlukan 60% - 70% daripada penduduk perlu mendapat imuniti. Kerajaan mensasarkan vaksinasi diberi kepada 80% penduduk Malaysia. Imuniti kelompok juga melindungi mereka yang tidak layak mendapat vaksin daripada mendapat jangkitan COVID-19. Golongan ini adalah kanak-kanak, pesakit yang mempunyai masalah sistem imun, dan sebagainya. Maka adalah penting kita semua mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 supaya kita adalah sebahagian daripada imuniti kelompok ini dan seterusnya melindungi masyarakat kita.

**Apakah pengalaman negara yang telah memberi vaksin COVID-19 dengan liputan yang banyak?**

Berita baik untuk semua di mana kita lihat tren kes COVID-19 dan kes kematian akibat COVID-19 yang menurun dengan mendadak di negara yang liputan vaksin melebihi 40%. Di Amerika Syarikat, penduduk mereka sudah hampir hidup macam biasa dengan pembukaan aktiviti sosial. Ini membuktikan bahawa vaksin adalah berkesan untuk menangani pandemik ini. InsyaAllah suasana di negara kita juga akan menjadi semakin pulih apabila liputan vaksin semakin meningkat tidak lama lagi. Yang paling penting juga adalah apabila kes semakin mengurang, aktiviti ekonomi akan dapat berfungsi seperti biasa.

**Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh kerajaan untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar?**

Ada dua cabaran utama iaitu, bekalan vaksin; dan golongan keraguan vaksin termasuklah golongan anti-vaksin.

Kerajaan sedang bekerja keras dengan berunding dengan syarikat pengeluar vaksin untuk memastikan penghantaran vaksin mengikut jadual yang telah dipersetujui. Ini adalah penting supaya perancangan untuk mencapai imuniti kelompok berjalan dengan lancar.

Manakala cabaran utama kedua adalah lagi mencabar. Pada setiap hari, kita didedahkan dengan maklumat yang tidak sahih mengenai keburukan vaksin

dan ramai yang mempercayai maklumat ini tanpa memeriksa sama ada ianya sahih atau tidak. Golongan anti-vaksin, walaupun tidak ramai, mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mempengaruhi orang ramai untuk tidak mengambil vaksin. Kerajaan dan agensinya serta NGO berusaha sepenuh hati untuk memberi maklumat yang betul kepada orang ramai. Saya harap semua dapat memberi sokongan sepenuhnya dengan mendapatkan vaksin secara individu. Diharap kita dapat mencapai sasaran kita untuk mendapat imuniti kelompok untuk Malaysia.

**“Vaksin ini sangat berkesan untuk mencegah penyakit COVID-19 yang teruk dan kematian. Ini yang sangat penting. Perlu diketahui bahawa vaksin ini tidak mencegah seseorang daripada dijangkiti tetapi kalau dijangkiti pun, pesakit kebiasaannya tiada gejala atau mendapat gejala yang ringan sahaja.”**





# Pelan Pemulihan Negara: Kekal Fasa 1 atau bagaimana?

Teka-teki kedudukan negara selepas tempoh dua minggu kedua dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyeluruh ini kekal dalam persoalan kita semua. Dari segi angka dan data, jelas kita bakal berdepan untuk pusingan seterusnya untuk kekal berada di rumah kecuali untuk sektor-sektor yang dibenarkan di dalam Fasa 1 ini.

Justeru, adakah usaha kita selama tempoh sebulan ini sia-sia? Atau keperitan sebahagian mereka yang berkorban tidak dapat meneruskan kesinambungan aktiviti tertentu sepanjang tempoh ini merupakan kegagalan?

Data terkini jangkitan COVID-19 perlu dilihat dalam konteks menyeluruh. Ia bukan sahaja pada pola kes baharu yang dicatatkan namun juga pada beban sistem perkhidmatan kesihatan terutama angka yang masih dirawat di hospital dan pusat kuarantin, angka yang masih kritikal serta jumlah kematian harian yang dicatatkan. Dalam masa yang sama, angka yang menerima vaksin serta kadar peningkatan penerimaan turut

menjadi indikator.

Dalam tempoh seminggu lalu, purata angka kes baharu yang direkodkan kekal pada julat 5000 ke 6000; meskipun kes aktif menunjukkan pola penurunan namun corak yang ditunjukkan tidak begitu ketara dengan angka terkini sekitar 62 000. Demikian bilangan yang kritikal dalam ICU serta pesakit yang menerima bantuan mesin pernafasan. Dalam masa yang sama, kes kematian kekal tinggi iaitu pada angka purata 77 sehari.

Melihat pada situasi tersebut, harapan kita untuk melihat negara berpindah ke Fasa 2 pada minggu hadapan adalah tipis sekali. Jangkaan kadar pemvaksin berdasarkan angka sekarang pula bakal mencatatkan 10% hanya dicapai paling awal pada 10 Julai nanti. Namun, untuk keluar dari situasi yang mana untuk mengelakkan kita berterusan mencatatkan jumlah kes serupa, disyorkan pendekatan lebih dinamik dan realistik untuk segera dilaksanakan.

Fokus seharusnya tertumpu kepada punca jangkitan yang menyumbang kepada kes-kes baharu yang saban hari dicatatkan. Kluster tempat kerja

pada masa ini merupakan sebab mengapa angka kes baharu sedemikian yang mana ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kes sporadik dalam keluarga dan komuniti masing-masing.

Mereka yang berada dalam sektor industri yang menyebabkan jangkitan dan kluster baharu perlu diberikan kefahaman dan kesedaran bahawa atas kegagalan mereka menjaga SOP menyebabkan seluruh negara termasuk mereka yang berada dalam industri 'essential' terkesan. Oleh itu, perubahan pendekatan yang paling adil ialah tidak lagi menggunakan peraturan "blanket rule" untuk seluruh negara. Kerajaan wajar membenarkan sektor di zon hijau kembali berfungsi. Ini dilakukan dengan pemantauan SOP yang ketat di samping menjadualkan pemvaksin mereka dalam masa terdekat.

Untuk sektor di zon merah, semua industri perlu ditutup serta merta dan hanya yang dibenarkan beroperasi selepas mempunyai sekurang-kurangnya 50% dari pekerja yang sudah divaksin. Sebarang kejadian kes atau kluster baharu perlu diikuti

**“Fokus seharusnya tertumpu kepada punca jangkitan yang menyumbang kepada kes-kes baharu yang saban hari dicatatkan. Kluster tempat kerja pada masa ini merupakan sebab mengapa angka kes baharu sedemikian yang mana ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kes sporadik dalam keluarga dan komuniti masing-masing.”**

dengan PKPD serta-merta, diadakan saringan bersasar serta mereka yang negatif perlu divaksin serta-merta. Dalam masa yang sama, pemvaksin perlu dipertingkatkan untuk pemegang taruh ekonomi memandangkan peranan mereka kritikal dalam memastikan pembangunan ekonomi negara dapat ditangani dengan saksama.

Sekiranya sektor di zon merah

gagal menurut syor untuk divaksin namun masih tetap meneruskan operasi, dicadangkan mereka kekal beroperasi dalam suasana PKPD. Maksudnya, pergerakan mereka terhad dalam kawasan kilang, dibekalkan makanan serta boleh beroperasi seperti biasa tanpa had.

Andai pengekal status quo terhadap situasi berlaku pada masa ini sedemikian, maka kita semua perlu bersedia untuk menghadapi pusingan PKP yang lebih panjang iaitu sekurang-kurangnya sehingga pertengahan Julai nanti.



**Prof. Madya Dr. Malina Osman**  
Pakar Perubatan Kesihatan Awam  
Universiti Putra Malaysia

## Humanity in the Humanities: In Search of Wisdom

By Assoc. Prof. Dr. Noritah Omar  
Associate Fellow, Centre for Corporate Strategy and Relations  
Department of English  
Faculty of Modern Languages and Communication



*"Once upon a time there was an old woman. Blind but wise."*

Thus, began Toni Morrison's Nobel Prize in Literature acceptance lecture in 1993.

The old, blind woman was met by a group of young people who wanted to test her wisdom and at the same time, wanted to portray her as a fraud.

"They stand before her, and one of them says, 'Old woman, I hold in my hand a bird. Tell me whether it is alive or dead.' She does not answer, and the question is repeated. 'Is the bird I am holding living or dead?' She is blind and cannot see her visitors, let alone see what is in their hands. She does not know their color, gender or homeland. The old woman's silence is so long, the young people have trouble holding their laughter. Finally, she speaks and her voice soft but stern. 'I don't know', she says. 'I don't know whether the bird you are holding is dead or alive, but what I do

know is that it is in your hands. It is in your hands." I was reminded of this story told by Morrison when asked to write about the Humanities. What is the significance of this story? What do the old woman, the young people, and the bird symbolize? To me, the wise, old woman symbolizes our humanity, while the young people represent our society. The bird, which is in our hand, symbolizes the Humanities.

The old woman's blindness is not a disability, but instead, it heightens her wisdom. The blindness enables her to see beyond the tangible, to have wisdom beyond sight. Humanity, that human nature which enables us to have empathy and sympathy, and appreciate human values and experiences, relates to the attainment of wisdom in life. In this sense, the discipline of Humanities may be read as a way for us to frame the nature and purpose of humanity.


In a world undergoing its fourth industrial revolution, artificial intelligence has become the order of the day. Smart phones, smart homes and smart cars, among other numerous smart gadgets and appliances, appear to be our major preoccupation. Is there a place for the Humanities in such a world?

As an academic discipline, the Humanities encompasses the study of languages and literatures,

history, philosophy and religion. With its analytical and critical methods of enquiry, the Humanities distinguishes itself from the Sciences by enabling us to develop our humanity and wisdom in dealing with life and traversing its challenges. It is widely known that the Humanities as a discipline tends to be sidelined when the going gets tough. Stories of budget cuts in academic programmes in the Humanities are common in Malaysia and the rest of the world. It would appear that the future of the Humanities is uncertain. Nevertheless, as we have seen in our encounter with the world's latest challenge, the COVID-19 pandemic, the world has a way of righting itself. Whilst the Sciences continue to play an important role in academia, the Humanities is asserting itself in this time of need. Research by the British Academy, for example, found that Humanities graduates are as employable as scientists and mathematicians. Critical and creative thinking, emotional intelligence, language and interpretation skills, social and communication skills, and cultural sensitivity, skills which are nurtured and developed most in Humanities academic programmes, are among the most desired abilities that employers currently look for in graduates.

So, it is like the old woman in the story said, "It is in your hands". It is in our hands. It is our responsibility to hold on to the humanity in the humanities—our soul, our wisdom, as human beings.

**“They stand before her, and one of them says, 'Old woman, I hold in my hand a bird. Tell me whether it is living or dead.' She does not answer, and the question is repeated. 'Is the bird I am holding living or dead?' ...”**





# Sambutan Jubli Emas UPM papar keunggulan, kecemerlangan universiti

Oleh : Pusat Perhubungan Alumni

**SERDANG** – Sambutan Jubli Emas Universiti Putra Malaysia (UPM) sempena 50 tahun penubuhannya (1971-2021) amat bertepatan dalam menghargai aspirasi kecemerlangan dan kejayaan semua pihak dalam pembangunan UPM.

Pengarah Pusat Perhubungan Alumni, Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud berkata objektif pelaksanaan Sambutan Jubli Emas itu bagi menggambarkan semangat gigih, keteguhan dan iltizam warga kampus sepanjang tempoh 50 tahun pembangunan universiti dalam usaha merealisasikan visi UPM sebagai universiti bereputasi antarabangsa, meluaskan jaringan hubungan yang berterusan di antara pemegang taruh dengan UPM dan melestarikan semangat kekitaan, kebanggaan serta menyumbang kembali alumni kepada alma mater.

"Saya percaya, di sebalik lipatan sejarah Keunggulan 50 tahun UPM, apa yang dihasratkan oleh Pihak Pengurusan Universiti ialah keterlihatan UPM daripada semua aspek dan bidang serta sebagai barisan hadapan negara," katanya.

Beliau berkata sambutan itu bakal memateri semangat Berilmu Berbakti melalui jalinan kerjasama setiap PTJ di UPM dalam merealisasikan sambutan berkenaan.

"Walaupun negara berdepan pandemik COVID-19, kita wajar mendepani cabaran dan mengatasi halangan, dan akhirnya untuk Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM ini berjaya dijalankan mengikut kesesuaian situasi dan masa," katanya.

Antara program yang telah diadakan ialah Majlis Pra Pelancaran dan Perasmian Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM (30 Disember 2020); Naratif Naib Canselor UPM (5 Februari 2021); UPM Bermunajat bersempena 50 Tahun UPM (25 Mac 2021) dan UPM Alumni Golden Fit (5 Februari – 31 Mei 2021).

Program yang sedang berlangsung pula adalah Arca 50 Tahun UPM; Gold Bar Eksklusif 50 Tahun UPM; Ekspo Jaringan Industri dan Masyarakat iaitu Semarak Budi Berilmu Berbakti, Program Putra Pemindahan Ilmu (PUTRAPIL) dan

Showcase Jaringan Industri dan Pengembangan Komuniti; Tautan Kasih Semaian Budi @ UPMKB 2021; Gema Simfoni: 50 Tahun Gemilang UPM, dua buah penerbitan khas iaitu Coffee Table Book '50 Jewels of UPM' dan Fakulti Pengasas; Galeri Pameran Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM; Kejohanan Golf Amal Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM; Alumni Homecoming Ragbi 10's UPM 2021; Media Plan dan Cenderahati oleh PSPK dan cenderahati jualan oleh Persatuan Alumni UPM (PAUPM).

## UPM DULU-DULU Gamit Nostalgia 50 Tahun UPM

Sempena menyemarakkan sambutan, alumni UPM merangkap pentadbir Facebook UPM DULU-DULU, berganding bahu meraikan sambutan dalam norma baharu menerusi platform media sosial itu.

Penolong Pendaftar, Pusat Perhubungan Alumni UPM, Nik Hafzaini Nik Hassan berkata, Pusat Perhubungan Alumni dan UPM menyokong penuh hasrat murni yang dilakukan itu dalam usaha membawa alumni kembali kepada alma mater.

"Mereka ini datangnye daripada pelbagai zaman dan latar. Pelbagai kisah dan nostalgia berjaya dikisahkan semula dan seterusnya mendatangkan rasa kecintaan yang mendalam kepada universiti. Apa yang lebih penting, melalui grup ini, data-data alumni dapat dikemaskini. Segala tata cara posting dikawal selia oleh Pusat Perhubungan Alumni demi menjaga sensitiviti UPM dan warganya," katanya.

Admin grup UPM DULU-DULU diselenggara alumni institusi berkenaan Shahrudin Mahadi, Zulkifli Ahmad dan Mohd Razman Faizal Sulaiman. Grup dibangunkan pada 1 Jun 2021 dan sehingga kini berjaya mengumpul lebih 7,000 alumni. Ia dibina bertujuan menyemarakkan rasa kebersamaan alumni dan alma mater, sekaligus membuka ruang untuk terus berhubung.

Salah seorang alumni, Ghazali Selamat (Alumni Kelas 1970) dari Kolej Pertanian Malaya, menggamit kenangan berendam dalam lumpur sewaktu minggu orientasi.



Prof. Madya Dr. Arba'ie Sujud

"Para junior dipaksa masuk ke dalam lumpur dengan berseluar pendek. Kisah itu kini menjadi memori sangat berharga buat mereka. Selepas orientasi hubungan senior dan junior menjadi semakin rapat dan saling membantu, baik dalam pelajaran mahupun kehidupan kolej zaman itu," katanya. Pengalaman melalui Pemberontakan 13 Mei 1969 turut dikongsi alumni. Waktu itu sesi pembelajaran terpaksa dihentikan seketika akibat pemberontakan dan bersambung setahun kemudiannya. Setiap paparan menyaksikan pelbagai getir dilalui demi segulung sijil. Ia memberi sinonim kepada pelajar yang pengajiannya tergendala akibat COVID-19, yang turut terakam sebagai lipatan sejarah untuk generasi akan datang.

## Kawah Suria

Facebook UPM DULU-DULU turut menyebut setiap pelajar UPM pasti mengetahui kisah Kawah Suria yang boleh dikatakan 'urban legend'.

Prof Madya Dr Arba'ie berkata, pelbagai dogongan dibawa oleh senior kepada junior mengenai jawapan sebuah kawah yang terletak dalam kampus UPM. Hanya pada 2021, baharu ramai yang tahu, apa yang dimaksudkan dengan kawah suria.


"Jika ada bekas mahasiswa UPM namun tidak pernah sampai ke sini, bermakna anda belum habis meneroka kampus Serdang yang berkeluasan hampir 8.8 hektar ini.

"Ada kalangan alumni berkongsi yang mereka pernah mencatatkan nama di atas tower kawah ini sebagai tanda pernah sampai disitu.

"Jika dikenang kembali sungguh nostalgik. Itulah zaman kampus dan tiada mungkin pengalaman itu dapat di tempat lain. Pasti ramai bekas mahasiswa yang mahu mengetahui apa sebenarnya kawah suria ini, untuk mengetahuinya anda dijemput untuk mendaftarkan diri di Facebook UPM DULU-DULU.

"Saya percaya, di sebalik lipatan sejarah Keunggulan 50 tahun UPM, apa yang dihasratkan oleh Pihak Pengurusan Universiti ialah keterlihatan UPM daripada semua aspek dan bidang serta sebagai barisan hadapan negara," katanya. – UPM

**"Saya percaya, di sebalik lipatan sejarah Keunggulan 50 tahun UPM, apa yang dihasratkan oleh Pihak Pengurusan Universiti ialah keterlihatan UPM daripada semua aspek dan bidang serta sebagai barisan hadapan negara."**





# New Misai Kucing harvesting machine increases harvest 30 times than conventional ones

By: Azman Zakaria  
Photo by: Noor Azreen Awang



**SERDANG** : A research team from Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully designed and invented a harvesting machine for the herbal plant, Misai Kucing, with a harvesting capacity of 24.89kg/hr, which is 30 times better than using a conventional harvesting machine.

The innovation of this harvesting machine for the delicate plant is named 'New Harvesting Machine for Agrivoltaic Herbal Crops Based on Reel-Wheel Rotating Mechanism'. It is unique due to its superb performance compared to the manual method. It offers energy efficiency by incorporating a

reel-wheel-chain mechanism to rotate the reel without any motor assistance automatically.

Head of the research team, Ts. Dr. Mohd Salahuddin Mohd Basri, from the Department of Process and Food Engineering, Faculty of Engineering, UPM, said the harvesting machine was designed specifically to harvest herbal plants such as Misai Kucing in both open areas and under a photovoltaic (PV) panel, called the Agrivoltaic Crop.

He said the efficiency of the Misai Kucing harvesting machine is 93.53%, which is considered high, and it successfully meets the design requirement. The performance efficiency of the Misai Kucing machine is measured by the weight of Misai Kucing harvested, and that entered the collection section, as well as Misai Kucing that are not harvested and collected.

He said the height of the machine could be adjusted by using a lynchpin, thus substituting the lathe to assist in adjusting the height of the harvester.

He said during the operation,

the chains connecting the reel and wheel would be used to transmit power from a sprocket and shaft at the caster wheel to another shaft at the rotator.

Chain is used in this transmission mechanism as the distance between shafts is less than 8 meters.

According to him, the harvesting process of shoots currently is done manually using regular hand cutters. He said despite modern technology has been incorporated into the harvester, harvesting delicate plants such as tea leaves and medicinal plants using a harvester remains a challenge to farmers.

"For herbs with leaves and stems that branch off from the main stem, a right technique has to be applied to ensure new growth will take place. The cutting height also affects the growth of new crops. Thus, flexibility in adjusting the heights of the harvesting machine is one of the factors in designing the harvester," he said.

He said the size of the harvester is also a factor to be

taken into account for it to be used in small-scale farm fields or farms with limited space, such as under the photovoltaic panel system.

Thus, a smaller sized harvester is required to be designed to achieve an optimum harvesting outcome.

Ts. Dr. Mohd Salahuddin said the machine comprised of a frame with wheels for movement on the ground, a collector slidably attached to the frame, a cutting blade mounted at one side of the collector, operated by an engine for cutting motion.

A reel is mounted to the collector and is positioned above the cutting blade for directing and feeding the crop to the cutting blade and pushing the crop into the collector.

He said using a reel-wheel-chain mechanism to substitute blower or fan will result in less energy required for the harvesting process. He said the harvesting machine is suitable for farmers in small and medium industries because it is considerably cheap and easy to operate.

The research to develop the innovation started on February 1, 2019, and ended on September 1, 2019, and has been patented. It won the best project award at the Final Year Project Recognition Ceremony 2019. It also won special 'MTUN TVET International Innovation Award' and silver medal at the international R&D exhibition and competition, Malaysia Technology Expo (MTE) 2021.

Other research team members are Prof. Ts. Dr. Rosnah Shamsudin, Ir. Dr. Mohammad Effendy Ya'acob and Muhamad Nurjafni Jamaludin. – UPM



## UPM students produce Eucalyptus-based products

By : Dr. Daljit Singh



**SERDANG** – Students from the Fourteenth College, Universiti Putra Malaysia (UPM), in collaboration with the Faculty of Agriculture, UPM, have successfully produced hand sanitisers, hand wash liquids and eucalyptus oil from the leaf extracts of Eucalyptus planted on UPM campus.

The production originates from the college students who desired to help the public prepare essential personal care products, especially during this COVID-19 pandemic.

To realise the student wishes, the Fourteenth College's Principal, Dr. Daljit Singh, sought advice and expertise from UPM researchers, Dr. Dzarifah Zulperi, Dr. Mohd. Hakiman Mansor, Dr. Mohd. Firdaus Anuar and Dr. Keeren Sundara Rajoo.

"The Eucalyptus extract is tremendously beneficial and can function as an insect repellent, aromatherapy and others. Apart from producing hand sanitiser and hand wash, we also produced eucalyptus oil products using natural ingredients," he said.

There are two types of eucalyptus oil products: the mixture of eucalyptus extract with olive oil and the mixture of eucalyptus extract with palm oil, sun oil, and canola oil. "The mixture of eucalyptus extract in palm oil was the first attempt in research to obtain a suitable rate to be used as an oil applying on the body.

"The production of two types of eucalyptus oil using different oils with different price value is to prepare low-cost products but have the same benefits," he said. Head of Fellow of the Fourteenth College, UPM, Azman Kamaruddin, said they intend to distribute the products to institutions and parties in need as a form of service to the community partaken by the Fourteenth College.

"The production is the first initiative of the Fourteenth College to encourage income generation by students as well as to teach students to be more creative and critical in the field of entrepreneurship in the future," he added. – UPM

## FAdV CRISPR-based vaccine protects chickens from IBH disease

By : Azman Zakaria  
Photo by: Noor Azreen Awang

**SERDANG** : A team of researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully developed Live attenuated Fowl Adenovirus (FAdV), a CRISPR-based vaccine which is able to elicit high antibody titer against FAdV infection and easily administered on chickens to protect the fowls against Inclusion Body Hepatitis (IBH).

This innovation contains special features at the genotype sequences of the fowl adenovirus developed innovatively by reducing the need for continuous transfer for viral attenuation, which indirectly reduces the cost and duration of production time. This special feature makes it less virulent, immunogenic, and feasible for use in most countries affected by fowl adenovirus.

This innovation also offers orally administered vaccine, and the large-scale preparation is easy to handle, indirectly reducing cost and preparation time in farms.

FAdV is the etiological agent of IBH disease. IBH is a predominant viral disease of FAdV, which causes substantial economic loss to poultry farms.

The global epidemiology of the disease was reported in the Asian continents since 1963. The first case of IBH in Malaysia was reported in 2005 with high mortality and poor performance profile due to FAdV infection. Since then, the disease has been reported in major poultry farms across several states in Malaysia and remained a significant threat.

Head of the research team, Assoc. Prof. Dr. Nurulfiza Mat Isa, said the Live attenuated Fowl Adenovirus (FAdV) CRISPR-based vaccine involved modification of the virus fibre protein, hence alters the genotype sequence of FAdV into a less virulent, genetically stable, immunogenic, and feasible vaccine

to be applied in countries with FAdV infection.

She said the Live attenuated Fowl Adenovirus CRISPR-based vaccine is a modified wild type virulent, Fowl Adenovirus UPMT27 strain that has been physically mutated, contributing to the non-proper functioning of its fibre protein.

"This modified fowl adenovirus was the result of genome editing using CRISPR technology in primary chicken liver cells, which are validated, harvested, and propagated in SPF embryonated chicken eggs for further commercialization," she said.

She added that the weakened vaccine can be administered orally and is easily carried to the stomach via the alimentary canal for processing.

It is produced in powder form and needs to be mixed with water for consumption, and it can be given to a one-day-old chick. One feeding or dose is sufficient for each chicken.

"The early entry of the live attenuated fowl adenovirus CRISPR-based vaccine into cells depends on the interaction of fibre protein adhesion with host cells receptor. Modifications of the fowl adenovirus fibre protein will interfere with the function of the protein and in turn affect the imperfect host-pathogen interactions," she said.

She said this would allow time and enable the host cells to elicit more antibodies against the fowl adenovirus due to its weak internalization and neutralization activities.

She said that this invention involves using the CRISPR technology to produce weakened attenuated viruses rather than the conventional methods, which are time-consuming, costly, and prone to technical errors.

"This vaccine is easy and cost-effective to produce and suitable for industrial application," she said.

Dr. Nurulfiza said the vaccine features offer advantages compared to existing commercial vaccines in the current market.

According to her, the disadvantages of the existing technology in developing the fowl adenovirus vaccine include cloning the antigenic fragment, which may cause toxicity of recombination and subunit vaccine types; incomplete inactivation, undefined amounts of antigen, and parenteral application require extensive handling procedures of inactivated vaccine.

Apart from her, the other research team members are Prof. Dato' Dr. Mohd Hair Bejo, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, Assoc. Prof. Dr. Mariatulqabiah Abdul Razak, and Salisu Ahmed.

The innovation began in March 2018 and ended in December 2020, and the product is patented. The product won gold medal at the International Expo on Inventions and Innovations – Malaysia Technology Expo (MTE) 2021. – UPM





# Projek Agihan Buku Wakaf untuk golongan muallaf



Oleh : Nor Adilla Alfadzil  
Foto oleh: Noor Azreen Awang

**SERDANG, 12 April** – Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Multaqa Asatizah dan Du'at mengadakan projek pemindahan ilmu dengan mengagihkan buku waqaf bertajuk "Kehidupan Awal Muallaf dalam Fiqah Muallaf" kepada golongan yang baharu memeluk Islam.

Projek jaringan komuniti itu juga adalah satu daripada cara pertubuhan dakwah menyantuni golongan muallaf.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), UPM, Prof. Ir. Dr. B.T. Hang Tuah Baharudin berkata program itu adalah usaha murni FEM UPM yang mengumpulkan



pelbagai agensi dakwah daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan badan kerajaan.

"Usaha seperti ini harus dilipat gandakan. Di samping menyebarkan ilmu, kita juga menggunakan kepakaran kita dalam mengajak lebih banyak agensi untuk bekerjasama dengan kita," katanya

Pengarah projek, Prof Madya Dr. Ku Hasnita Ku Samsu berkata universiti adalah agen untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar dan masyarakat. Inisiatif untuk berkongsi maklumat dengan masyarakat khususnya golongan muallaf itu timbul hasil daripada penulisan pensyarah UPM sendiri.

"Buku tersebut diagihkan kepada wakil pertubuhan dakwah terpilih di Malaysia untuk diedarkan kepada muallaf di bawah naungan mereka serta untuk digunakan dalam program



dan kuliah bimbingan bersama golongan muallaf.

"Harapan saya usaha ini akan diteruskan dan akan menjadi satu aktiviti jaringan yang boleh dimanfaatkan oleh pensyarah UPM. Masyarakat juga secara langsung dapat mengenali UPM serta pakar yang ada di UPM," katanya.

Penulis buku, Dr. Mohammad Nizam Abdul Kadir berkata buku itu adalah satu sumbangan kepada para muallaf untuk membantu memudahkan urusan mereka dan sebagai panduan serta rujukan mengenai perkara berkaitan Islam.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, FEM, UPM berkata buku itu tidak memfokuskan kepada hukum tetapi lebih kepada pertanyaan wajib yang perlu diketahui muallaf. – UPM

# Pelajar UPM sertai pameran antarabangsa SDGs guna aplikasi Instagram

Oleh : Prof. Madya Dr. Siti Suriawati Isa

**SERDANG** – Seramai 40 pelajar Tahun 3 Bachelor Sains Tanaman dan Rekreasi (BSTR), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FPAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai pameran antarabangsa secara dalam talian menggunakan aplikasi Instagram baru-baru ini.

Pameran antarabangsa yang julung kali dianjurkan secara dalam talian itu disertai lima universiti termasuk Universitas Islam Riau dan Bina Nusantara Universiti, Indonesia; Hitra Leirskole, Norway dan persatuan belia Uzbekistan Youth Associations, Uzbekistan. Ia dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan dan Pengurusan dan Fakulti Senilukis dan Seni, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam.

Pameran boleh dilawati sehingga 31 Disember 2021 di akaun Instagram innovativeescape.

Pameran bertajuk Sustainable Development Goals (SDGs) atau Matlamat Pembangunan Mampan, dan terdiri daripada 17 subtopik yang telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 2015.

Pelajar BSTR menghantar 11 poster berkenaan subtopik SDG iaitu gaya hidup sihat, pembasmian kemiskinan, pendidikan berkualiti dan penggunaan dan pengeluaran secara bertanggung jawab.

Isu yang dipilih oleh pelajar BSTR menunjukkan bahawa mereka telah mengaplikasikan apa yang dipelajari sepanjang pengajian di UPM khususnya di Jabatan Taman Alam dan Rekreasi.

Secara keseluruhannya pelajar berjaya mengupas isu-isu berkaitan SDG dengan baik dan kreatif. Walaupun mereka bukan pelajar berlatar belakang teknologi maklumat (IT), namun cara penyampaian mereka setanding dengan penyertaan daripada universiti lain.

Mereka turut menyediakan video pendek berdurasi kurang daripada tiga minit berkaitan subtopik SDG yang dipilih. Penyertaan pelajar adalah secara berkumpulan tidak melebihi daripada lima orang atau secara individu.

Pameran dalam talian itu merupakan salah satu kaedah baharu di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya sejak pandemik COVID-19 tahun lalu.

Sebelum ini pelajar banyak didedahkan dengan PdP menggunakan Zoom, Google Meet, Webex, Streamyard dan sebagainya. Namun kali ini Instagram digunakan untuk pameran secara dalam talian bagi hasil tugasan pelajar.

Pendekatan ini bukan sahaja lebih mudah dan murah untuk dianjurkan, malahan dapat dicapai oleh lebih ramai pengunjung daripada seluruh dunia yang mempunyai talian Internet. Tempoh pameran juga dapat dipanjangkan sehingga hujung tahun 2021 tanpa melibatkan sebarang peningkatan kos kepada pihak penganjur kerana kos penganjuran adalah murah.

Pendedahan kepada pelajar melalui pameran innovativeescape akan memberi manfaat kepada mereka sebagai ilmu sepanjang hayat. Ia merupakan satu latihan secara langsung kepada pelajar BSTR kerana satu daripada skop pekerjaan mereka setelah bergraduasi nanti adalah menguruskan acara.

Pengalaman daripada pameran secara dalam talian ini adalah yang pertama dilalui pelajar BSTR, dan ia adalah antara alternatif norma baharu yang diperkenalkan di dalam bidang pengurusan acara di seluruh dunia.

Lebih banyak peluang sebegini perlu diperkembangkan agar dapat disertai oleh pelajar di pelbagai peringkat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah.



# YOSH Special Iftar agih pek makanan kepada petugas barisan hadapan, pelajar



Oleh : Nurul Athira Mohd Affandi

**SERDANG** – Chapter Alumni YOSH Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Kolej Pendeta Za'ba dan Persatuan Anak Negeri Terengganu (PAKAT UPM) meneruskan program jalinan Ramadan – YOSH Special Iftar dan Gotong – Royong Edaran Bubur Lambuk

Ini adalah program kedua Chapter Alumni YOSH UPM bersama MyFundAction untuk tajaan makanan special iftar kepada petugas barisan hadapan dan mahasiswa dalam kampus sewaktu pandemik COVID-19 ini.

Program tahun ini lebih istimewa kerana diadakan pada 1 Mei yang bertepatan dengan sambutan Hari Pekerja, yang secara tidak langsung sebagai penghargaan YOSH UPM kepada petugas barisan hadapan dalam menjalankan tugas demi kesejahteraan rakyat.

Program ini bertujuan menerapkan elemen kesukarelawanan dan prihatin mahasiswa kepada petugas barisan hadapan serta menggunakan waktu pada bulan Ramadan dengan aktiviti bermanfaat.

Pengarah Program, Muhammad Iqmal Haris, berkata 1,000 set bubur lambuk disediakan dalam aktiviti gotong royong bersama pelajar dan 1,000 pek special iftar yang disumbangkan oleh MyFundAction. Gotong royong dijalankan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

"Bubur lambuk yang diagihkan kepada petugas barisan hadapan turut dilengkapi set rendang Pak Atta dan kurma dari JAWI Food Bank," katanya.

Penyerahan bubur lambuk dan special iftar itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu bersama Ketua Eksekutif MyFundAction Muhamad Afiq Mohamad Nazari dan Pengetua Kolej Pendeta Za'ba, UPM, Dr. Mohd Hafiz Mohd Zaid.

Prof. Dr. Arifin berkata, program itu merupakan inisiatif Chapter Alumni YOSH UPM, Kolej Pendeta Za'ba dan Persatuan Anak Negeri Terengganu bagi mengimarahkan bulan Ramadan.

Program itu juga merupakan tanggungjawab sosial alumni terhadap warga kampus UPM.

"Inisiatif hari ini adalah sebagai tanda penghargaan atas jasa dan pengorbanan kepada petugas barisan hadapan yang berbakti kepada negara untuk mengekang penularan wabak COVID-19.

"Selain menghargai petugas barisan hadapan, pek bubur lambuk dan special iftar turut diberikan kepada pelajar yang menetap dalam kampus dengan diwakili oleh Presiden kolej masing-masing," katanya.

Muhamad Afiq pula berkata, MyFundAction ingin berkongsi rezeki di bulan mulia ini bersama barisan hadapan yang banyak berdepan cabaran dalam menangani pandemik COVID-19 dan juga pelajar yang menetap dalam kampus.

"Ini sebagai tanda sokongan kepada usaha dan pengorbanan mereka," katanya. – UPM





# KOSASS UPM anjur Program Arena Pembaca Berita 2021

Oleh : Amirah Mustafa Kamal



**SERDANG** – Pelajar Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS), Universiti Putra Malaysia (UPM), menganjurkan program Arena Pembaca Berita melalui platform Facebook Live KOSASS UPM baru-baru ini.

Program itu bermula dengan perkongsian daripada tetamu jemputan iaitu penyampai berita Radio

Televisyen Malaysia (RTM) dan juga pengacara dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di TV1, Andy Reza Rohadian dan bekas penyampai berita BERNAMA TV, Zulkifli Bujang.

Topik yang dibincangkan iaitu Pembaca Berita: Hobi atau Cita-cita? merupakan topik yang memberi inspirasi kepada para pelajar yang mempunyai bakat dalam bidang kewartawanan serta berhasrat untuk menjadi pembaca berita kelak.

Hasil perkongsian tersebut, kedua-dua tetamu jemputan telah memberi pendedahan dan dorongan kepada pelajar untuk terus bersemangat mengecapi

apa jua yang diminati.

Dengan berbekalkan ilmu dan senario yang telah dikongsikan, tetamu jemputan meminta para pelajar untuk sentiasa berfikir terbuka, mempelajari pelbagai kemahiran dan sentiasa bersedia dengan apa jua halangan dan cabaran yang bakal dihadapi.

Program itu diteruskan dengan pertandingan Arena Pembaca Berita yang melibatkan pelajar UPM dan seluruh IPTA.

Seramai 24 orang pelajar dari pelbagai universiti awam telah menyertai program itu dengan jayanya.

Selain itu, program

tersebut membuka peluang kepada pelajar untuk menonjolkan bakat dalam bidang kewartawanan dan menerokai diri serta minda menjadi individu yang mempunyai nilai tinggi di pasaran kelak.

Pertandingan diadili oleh wakil daripada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK), UPM; Pusat Kecemerlangan Komunikasi, Media & Industri Kreatif (CMCI), UPM dan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM. – UPM



## Program sukarelawan platform warga universiti beri sumbangan khidmat masyarakat

Oleh : Nur Sabrina Marzuki

**SERDANG, 7 Mei** – Aktiviti sukarelawan adalah antara platform penting bagi warga universiti memberi sumbangan melalui pemindahan ilmu, kepakaran serta khidmat masyarakat.

Aktiviti kesukarelawanan menanam nilai kemanusiaan yang tinggi, semangat kerjasama baik, sikap toleransi dan ingin membantu yang dapat diterapkan dalam diri setiap individu.

Ia seiring pendekatan utama Putra Bakti, untuk memberi fokus kepada nic universiti iaitu pertanian dan multidisiplin, berasaskan pemindahan ilmu serta kepakaran, dengan berkonsepkan kolektif dan kerjasama.

Pada program Visibiliti dan Amalan Terbaik Putra Bakti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Induk Putra Bakti Universiti Putra Malaysia (UPM), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) UPM, ahli-ahli panel mengetengahkan kaedah dan amalan terbaik untuk menganjurkan program serta aktiviti kesukarelawan sama ada di peringkat pusat tanggungjawab (PTJ), universiti mahupun kebangsaan serta kaedah meningkatkan keterlihatan program dan aktiviti yang dianjurkan.

Ahli panel ialah Pensyarah Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM, Prof. Madya Dr. Nurul Ain Mohd

Hasan; Presiden PERMATA, Prof. Madya Dr. Rohaya Latip dan pensyarah Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia (FEM), UPM, Bukryman Sabri.

Antara isu yang dikupas adalah kepentingan program kesukarelawanan kepada mahasiswa.

Turut dibincangkan adalah kegunaan platform media sosial untuk meningkatkan visibiliti program kesukarelawanan.

Selain Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), beberapa entiti yang memberi kerjasama dalam menjayakan program dan aktiviti kesukarelawan di UPM adalah seperti Sahabat Masjid, PERMATA serta Persatuan Pentadbir UPM. – UPM



## 'Kucing bukan penyebar virus COVID-19'

Oleh : Noor Eszereen Juferi

**SERDANG** – Kajian sehingga kini mendapati, tiada bukti bahawa kucing boleh menjadi penyebar COVID-19 dan tiada bukti penularan wabak itu daripada kucing ke manusia.

Demikian dapatan hasil kajian SARS-CoV2 infection in Cats and Evaluation of Knowledge, Attitude and Practices towards COVID-19 among Pet Owners yang dijalankan oleh penyelidik daripada Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Putra Malaysia (UPM), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta wakil Sektor Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pensyarah Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, FPV, UPM, Dr. Farina Mustaffa Kamal berkata bagaimanapun perlu ada usaha untuk mengadakan surveilan virus ke atas haiwan kerana virus sentiasa berubah dan menjalani evolusi.

Katanya, kajian itu dijalankan kerana pada awal pandemik COVID-19 tempohari, terdapat laporan mengenai jangkitan COVID-19 pada haiwan domestik seperti kucing dan anjing, serta haiwan di zoo seperti harimau dan singa. Eksperimen jangkitan di dalam makmal juga telah dijalankan di mana kucing dan anjing boleh dijangkiti apabila diberikan dos virus yang tinggi.

Menurutnya, fokus kajian itu adalah pada kucing kerana projek itu perlu dijalankan dalam tempoh yang singkat, dan berbanding dengan anjing, kucing juga dilaporkan lebih mudah dijangkiti.

"Semasa wabak SARS-CoV yang pertama pada 2007 di Hong Kong dan H5N1 Avian Influenza, kucing juga dijangkiti tetapi tidak ada bukti penularan kucing ke manusia.

Saya tegaskan juga, buat masa ini tiada bukti bahawa kucing boleh menjadi penyebar COVID-19," katanya.

Beliau berkata, memandangkan hubungan rapat antara manusia dan haiwan peliharaan, maka sejauh mana jangkitan SARS-CoV2 di dalam haiwan peliharaan milik pesakit COVID-19 harus dinilai lebih lanjut, termasuk faktor sama ada pemilik haiwan bergejala, pengendalian haiwan dan kontak dengan haiwan semasa pemilik mereka dijangkiti COVID-19 untuk mengetahui perkaitan dengan status COVID-19 mereka.



Dr. Farina berkata, persepsi masyarakat umum mengenai peranan haiwan peliharaan dalam penularan SARS-CoV2 perlu dinilai untuk mengenal pasti jurang dalam pengetahuan dan kesedaran mereka mengenai jangkitan itu dalam haiwan peliharaan.

Katanya, ia kerana ada laporan khususnya daripada luar negara bahawa orang awam bertindak membuang haiwan peliharaan mereka kerana khawatir mereka boleh

dijangkiti dengan COVID-19 daripada haiwan itu.

Kajian itu bermula November 2020 dan dijangka tamat September tahun ini.

Projek berkenaan adalah projek 'Covid19 supplementary fund' yang merupakan projek jangka pendek tajaan Malaysia One Health University Network (MyOHUN) dengan kerjasama South East Asia One Health University Network (SEAOHUN) dan United States Agency for International Development (USAID). – UPM



**Tribun PUTRA**  
Pertanian • Inovasi • Kehidupan

EDITORIAL TRIBUN PUTRA

Tribun Putra

Tribun Putra diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Universiti Putra Malaysia. Tujuan penerbitan untuk menyampaikan maklumat melalui pelbagai berita, rencana, laporan semasa berkaitan pendidikan dan penyelidikan UPM. Surat dan kiriman artikel hendaklah di alamatkan kepada:

Editor Tribun Putra

Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat Universiti Putra Malaysia 43400 Serdang, Selangor.

**PENASIHAT** • Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman **KETUA EDITOR** • Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain **EDITOR** • Mohammad Nazry Hisham **WARTAWAN** • Azman Zakaria • Noor Eszereen Juferi **PEMBANTU WARTAWAN** • Afifah Syakirah Othman **JURUFOTO** • Marina Ismail • Noor Azreen Awang • Mohammad Izul Abdul Jabar **PENYELENGGARA ONLINE** • Rosliza Ibrahim **PEMBANTU PENGEDARAN** • Suhaimi Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.

**Telefon** : 03-9769 6021 • **Faksimili** : 03-97698972 • **Emel** : mohd\_izani@upm.edu.my | tp\_pspk@upm.edu.my

**Diterbitkan oleh** Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor  
**Dicetak oleh** ALAMEDIA SDN. BHD., NO. 14 Jalan Ip 1A/5, Taman Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor